

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN  
PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S5  
PUSAT ISLAM USM**

Pusat Islam USM mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

**PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S5**

Taraf jawatan	:	Kontrak Tidak Berwaran ( <i>Contract of Service</i> )
Bayaran Gaji	:	RM1,650.00 Minima
Bilangan Jawatan	:	Satu (1) Kekosongan
Penempatan	:	Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

**DESKRIPSI TUGAS**

1. Bertanggungjawab untuk membantu merancang, melaksana dan menilai pengurusan dan pelaksanaan program yang disediakan oleh Pusat Islam USM merangkumi aspek Pentadbiran dan Kewangan, Perkhidmatan dan Penjanaan Ekonomi, Penasihat Hal Ehwal Islam, Pengurusan Masjid dan Qaryah, Pengurusan Pendidikan dan Keilmuan, Kebajikan dan Pengantarabangsaan.

**SYARAT PERMOHONAN**

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
4. Berkelulusan:
  - i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat principal dalam subjek Syariah, Usuluddin atau Bahasa Arab.  
**[Gaji Permulaan pada Gred S5: RM1,650.00]**; atau
  - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan  
**[Gaji Permulaan pada Gred S5: RM1,650.00]**
  - iii. Diploma dalam bidang tafsir Al-Quran, pengajian Islam atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**[Gaji Permulaan pada Gred S5: RM1,893.00]**

**Keutamaan:**

1. Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang pentadbiran hal ehwal Islam
2. Penguasaan yang baik dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab
3. Mempunyai kemahiran dalam bidang ICT dan Multimedia

**CARA MEMOHON**

1. Sila kemukakan *resume*, salinan kad pengenalan, salinan sijil dan transkrip akademik serta salinan sijil-sijil lain yang berkaitan melalui pautan <https://forms.gle/qVQpCK2oky7K9vQL6> / kod qr **atau** pos ke alamat berikut:

**Pusat Islam**  
**Universiti Sains Malaysia**  
11800 USM,  
Pulau Pinang  
(u.p: En. Jamaludin Bin Nayan)



2. Sila tuliskan nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri (atas) sampul surat.
3. Sila pastikan alamat e-mel dan nombor telefon untuk dihubungi adalah yang terkini dan aktif.
4. Permohonan yang telah dihantar secara pautan/kod qr tidak perlu hantar permohonan secara salinan keras (*hardcopy*).

**PERHATIAN**

Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk menghadiri sesi temu duga.

**Tarikh Tutup Permohonan: 23 Mei 2025**